



**KENYATAAN**  
**REQUEST FOR PROPOSAL**

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat yang mempunyai keupayaan dan kemampuan dari segi kewangan dalam pelaksanaan projek seperti berikut :-

**CADANGAN SEWAAN KOMPLEKS SUKAN MPSPK (ARENA SUKAN SUNGAI PETANI)**  
**MILIK MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI**  
**BAGI TUJUAN PERKHIDMATAN MENGURUSKAN KOMPLEKS SUKAN**  
**NO. RFP : 03/2025 (PER)**

Pihak-pihak yang berminat boleh mendapatkan borang menerusi laman sesawang rasmi Majlis Perbandaran Sungai Petani di <https://pbt.kedah.gov.my/> atau di alamat yang berikut:

Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Sungai Petani  
08000 Sungai Petani  
Kedah Darul Aman

u/p: Seksyen Perolehan, Jabatan Kewangan  
No. Tel : 04-429 6666/6754 No. Fax: 04-4296655  
Email: [perolehan@mpspk.gov.my](mailto:perolehan@mpspk.gov.my)

Tarikh Tutup Permohonan

Kertas kerja cadangan penyewaan dan pengurusan berkenaan hendaklah diserahkan sebelum atau pada **24 September 2025 (Rabu) jam 12.00 tengahari**

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"KEDAH SEJAHTERA-NIKMAT UNTUK SEMUA"**  
**"THE GREATER KEDAH"**  
**"TRANSFORMASI KE ARAH KECEMERLANGAN"**

Saya yang menjalankan amanah,

Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Sungai Petani  
Kedah Darul Aman.



## **REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)**

**CADANGAN SEWAAN KOMPLEKS SUKAN MPSPK  
(ARENA SUKAN SUNGAI PETANI)**

**MILIK**

**MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI**

**BAGI TUJUAN**

**PERKHIDMATAN MENGURUSKAN KOMPLEKS SUKAN**

**NO. RFP : 03/2025 (PER)**

**URUS SETIA**

**SEKSYEN PEROLEHAN, JABATAN KEWANGAN**

**MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI**

**KEDAH DARUL AMAN**

**☎ 04-429 6666/6754**



[perolehan@mpspk.gov.my](mailto:perolehan@mpspk.gov.my)

## 1.0 PENGENALAN

Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK) berhasrat untuk menyewakan Kompleks Sukan MPSPK (ARENA SUKAN SUNGAI PETANI), Seksyen 67, Bandar Sungai Petani kepada pihak-pihak yang berminat untuk menyewa dan menguruskan kompleks tersebut. Tawaran ini adalah dipelawa kepada syarikat yang berminat, mempunyai keupayaan dan pengalaman dalam bidang perniagaan terutama dalam bidang pengurusan bangunan serta kemampuan dari segi kewangan bagi mengurustadbir Kompleks Sukan tersebut.

## 2.0 MAKLUMAT HAKMILIK

2.1 Maklumat hakmilik yang akan disewakan adalah seperti berikut:

|                           |                                                                                                                                                    |
|---------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Jenis Premis              | Kompleks Sukan MPSPK (ARENA SUKAN SUNGAI PETANI)                                                                                                   |
| Lokasi                    | Lot PT 70895, (pecahan lot asal sebahagian Lot PT98251), Seksyen 67, Jalan Kuda Kepang, Bandar Sungai Petani, Kedah.                               |
| No. Lot                   | PT 70895, Seksyen 67                                                                                                                               |
| No. Hak Milik             | HS(D) 144390                                                                                                                                       |
| Bandar/Pekan/Mukim        | Bandar Sungai Petani                                                                                                                               |
| Luas Lot                  | 11,176 Meter Persegi                                                                                                                               |
| Kategori Penggunaan Tanah | Bangunan                                                                                                                                           |
| Pegangan                  | Hakmilik Kekal / Geran Selama-lamanya.                                                                                                             |
| Syarat Nyata              | Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini hendaklah digunakan sebagai rekreasi (stadium, kompleks sukan) dan lain-lain bangunan sukan dan rekreasi. |

2.2 Lokasi Tanah adalah terletak kira-kira 6 kilometer dari Pusat Bandar Sungai Petani dan lot tanah tersebut boleh dihubungi melalui Jalan Utama Sungai Petani – Alor Setar, Jalan Kelab Cinta Sayang dan Jalan Kuda Kepang.

2.3 Secara umumnya, pembangunan kawasan sekitar lot subjek yang terdapat di sepanjang Jalan Kuda Kepang dan persekitaran adalah seperti Sekolah Kebangsaan Bukit Kiara, Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Ria, Restoran makanan segera Texas Chicken, bangunan perniagaan, pasaraya, stesyen minyak dan sebagainya. Terdapat juga taman perumahan berhampiran seperti Taman Ria Jaya, Taman Seruling, Taman Sari dan Pangsapuri Paya Nahu yang menjadikan kawasan tersebut kian pesat membangun.

2.4 Kompleks Sukan MPSPK (ARENA SUKAN SUNGAI PETANI) merupakan sebuah bangunan kompleks sukan satu (1) tingkat beserta tingkat mezzanine dengan kemudahan tempat meletak kereta sebanyak 199 petak dan petak parkir motosikal sebanyak 165 petak.

- 2.5 Bangunan Kompleks Sukan Sungai Petani adalah bangunan asas dan kosong. Sebarang tambahan dan pengubahsuaian pada struktur dalaman atau luaran bangunan adalah perlu permohonan dan kelulusan bertulis dari pihak Majlis.
- 2.6 Klasifikasi bangunan ini mengikut tingkat adalah seperti berikut:-

| Tingkat   | Bil Premis | Unit No.     | Jenis Kegunaan                                  |
|-----------|------------|--------------|-------------------------------------------------|
| Tingkat G | 12 unit    | Plot 1- 12   | Gelanggang                                      |
|           | 10 unit    | Retail 1- 10 | Badminton                                       |
|           | 4 unit     | Utiliti 1- 4 | Lot kedai                                       |
|           | 2 unit     |              | Bilik Utiliti                                   |
|           |            |              | Bilik Persalinan termasuk tandas dan surau      |
| Tingkat 1 | 1 unit     |              | Ruang Gimnasium dan Ruang tempat duduk penonton |

*Pelan Lokasi, Pelan Tapak & Gambar Hartanah adalah seperti di Lampiran A*

### 3.0 MAKLUMAT YANG PERLU DISEDIAKAN

Pengusaha perlu menghantar maklumat yang lengkap dan terperinci mengenai cadangan penyewaan dan pengurusan Kompleks Sukan MPSPK (ARENA SUKAN SUNGAI PETANI). Maklumat-maklumat yang diperlukan adalah seperti butiran berikut :

#### 3.1 MAKLUMAT UMUM SYARIKAT

Maklumat latar belakang syarikat yang merangkumi aspek berikut:-

- 3.1.1 Nama Syarikat
- 3.1.2 No. Pendaftaran Syarikat
- 3.1.3 Tarikh Penubuhan Syarikat
- 3.1.4 Jenis Perniagaan Utama
- 3.1.5 Alamat Syarikat (Ibu Pejabat dan Cawangan)
- 3.1.6 No. telefon, No. Faks, dan Alamat Email Syarikat
- 3.1.7 Modal Berbayar Syarikat
- 3.1.8 Jenis dan Butiran Pemilik Syarikat
- 3.1.9 Senarai Ahli Lembaga Pengarah
- 3.1.10 Maklumat mengenai Pengurusan Atasan
- 3.1.11 Bilangan Pekerja

Pengusaha perlu mengemukakan salinan sijil-sijil pendaftaran dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Kementerian Kewangan (MOF)/ Pusat Perkhidmatan Kontraktor (PKK) / Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDM) beserta tempoh sah laku.

### 3.2 KONSEP PELAN PEMAJUAN DAN PENGURUSAN KOMPLEKS SUKAN

Cadangan yang dikemukakan hendaklah berbentuk komersial '*indoor-sports*' yang bersesuaian dengan aktiviti sukan dan riadah, dapat mengekalkan fungsi dan menghidupkan stadium ini dengan pelbagai tarikan bagi menarik minat orang ramai untuk datang bagi aktiviti sukan dan riadah.

Syarikat Pengusaha juga perlu menyatakan dengan jelas kaedah pengurusan kompleks seperti butiran berikut :-

- 3.2.1 Kaedah kerja pembersihan keseluruhan bangunan kompleks sukan (luar dan dalam bangunan)
- 3.2.2 Kawalan keselamatan di kompleks sukan ini.
- 3.2.3 Kaedah penyenggaraan dan pembaikan kerosakan yang berlaku di dalam dan luar bangunan kompleks sukan ini.
- 3.2.4 Pengurusan kemudahan petak-petak parkir.
- 3.2.5 Kaedah sewaan semula unit- unit gerai
- 3.2.6 Pematuhan syarat-syarat berkaitan tiada sebarang pengurangan program yang berkonsep hiburan yang melampau dan aktiviti yang melanggar undang-undang.

### 3.3 KEUPAYAAN KEWANGAN SYARIKAT

- 3.3.1 Syarikat Pengusaha mestilah mempunyai kewangan yang kukuh dan komited untuk membiayai penyewaan dan menguruskan Kompleks Sukan MPSPK (ARENA SUKAN SUNGAI PETANI) ini. Kelayakan pihak Pengusaha yang akan melaksanakan pengurusan stadium ini amat dititiberatkan oleh Majlis.
- 3.3.2 Syarikat Pengusaha perlu membekalkan Penyata Kewangan yang diaudit bagi tiga (3) tahun terkini (2022, 2023 dan 2024) dan penyata bank tiga (3) bulan terkini dilampirkan bersama kertas cadangan.

### 3.4 KEBOLEHLAKSANAAN PENGURUSAN KOMPLEKS SUKAN

#### 3.4.1 Pelaksanaan Pengurusan Kompleks Sukan

Kertas cadangan perlu dikemukakan bersama cadangan pelan pembangunan dan pengurusan berserta tempoh perlaksanaan pengurusan.

#### 3.4.2 Keupayaan Kewangan

Syarikat Pengusaha perlu membiayai keseluruhan kos pengurusan kompleks ini. Oleh itu, Syarikat Pengusaha perlu menyatakan secara terperinci anggaran modal dan kos yang akan terlibat bagi mengurus stadium ini (ARENA SUKAN SUNGAI PETANI).

Selain itu, Syarikat Pengusaha juga perlu memperincikan jangkaan aliran tunai keluar masuk bagi tempoh penyewaan ini dan pengoperasian yang merangkumi hasil yang diterima serta kos operasi yang terlibat secara realistik dan munasabah dalam tempoh kontrak.

### 3.5 KONSEP SEWAAN

#### 3.5.1 Tempoh Sewaan

Tempoh sewaan yang dicadangkan oleh pihak Majlis adalah selama 3 tahun dengan 2 tahun lanjutan (5 tahun).

Sila nyatakan dalam kertas cadangan sebab tempoh yang dipohon sekiranya pihak syarikat mempunyai cadangan tempoh yang berbeza.

### 3.6 JADUAL PELAKSANAAN YANG DICADANGKAN ADALAH SEPERTI BERIKUT:

| Bil. | Keterangan                                                                         | Anggaran Tarikh /Tempoh                 |
|------|------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------|
| 1.   | Iklan Tawaran                                                                      | 3 September 2025                        |
| 2.   | Lawatan Tapak Ke Kompleks Sukan (Wajib)                                            | 10 September 2025                       |
| 3.   | Penyediaan Kertas Cadangan oleh Syarikat-syarikat Pengusaha                        | 21 Hari                                 |
| 4.   | Tarikh akhir Syarikat mengemukakan dokumen lengkap kepada MPSPK                    | 24 September 2025                       |
| 5.   | Jawatankuasa Pembuka                                                               | 24 September 2025                       |
| 6.   | Jawatankuasa Penilaian teknikal dan kewangan                                       | 7 Hari                                  |
| 7.   | Pembentangan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan MPSPK                         | 1 Oktober 2025                          |
| 8.   | Kelulusan dan Pertimbangan diangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan MPSPK | Minggu Ke 3 / 4 Bulan Oktober 2025      |
| 9.   | Endorse Mesyuarat Penuh MPSPK                                                      | Minggu Ke 4 Oktober 2025                |
| 10.  | Surat tawaran / pemakluman Keputusan Mesyuarat                                     | Minggu 1/2 November 2025                |
| 11.  | Surat Setuju Terima (SST)                                                          | Minggu Keempat November 2025            |
|      | Perjanjian Penyewaan                                                               | 4 bulan dari Tarikh Surat Setuju Terima |

*\*Pindaan tarikh adalah tertakluk mengikut ketetapan dan perubahan oleh pihak MPSPK.*

#### 4.0 SYARAT-SYARAT DAN TERMA

- 4.1 Syarikat Pengusaha adalah dipelawa untuk mengemukakan cadangan berdasarkan keperluan yang dinyatakan di dalam dokumen ini. Kegagalan untuk mengemukakan sebarang maklumat yang dikehendaki akan menyebabkan cadangan ditolak.
- 4.2 Majlis tidak terikat untuk menyetujui menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran terikat.

- 4.3 Syarikat Pengusaha juga perlu menanggung segala kos yang berkaitan dengan penyediaan dan penyerahan dokumen *RFP*. Pihak MPSPK tidak akan menanggung apa-apa kos, ganti rugi atau pampasan daripada penyediaan dokumen *RFP* oleh syarikat.
- 4.4 Pengusaha mestilah daripada syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dengan kod bidang 221507 (Kemudahan awam dan sukan) atau 221506 (bangunan/pejabat/ stor/ruang niaga/rumah kediaman) Pengusaha perlu menyerahkan bukti pendaftaran kod bidang tersebut.
- 4.5 Jika tempoh pendaftaran telah ataupun hampir tamat, Pengusaha hendaklah mengemukakan salinan surat dari Kementerian Kewangan Malaysia yang menyatakan bahawa permohonan untuk lanjutan telah dibuat.
- 4.6 Pihak Pengusaha yang dilantik bagi menguruskan kompleks sukan adalah bertanggungjawab sepenuhnya dalam bagi kerja-kerja pembersihan, penyenggaraan bangunan dan memastikan keselamatan bangunan terjaga dengan baik.
- 4.7 Sebarang tambahan atau pengubahsuaian bangunan adalah perlu mendapatkan kebenaran dan kelulusan pihak majlis serta ianya tidak mengubah fasad asal bangunan
- 4.8 Pihak Pengusaha yang berjaya adalah dikehendaki mengemukakan deposit sebanyak 10% daripada nilai sewa dalam tempoh 2 bulan selepas penerimaan surat niat kelak.
- 4.9 Satu (1) *softcopy* dan tiga (3) salinan bercetak hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran tidak lewat pada jam 12.00 tengahari pada 24 September 2025 (Rabu) dan perlu dikemukakan ke alamat berikut:

Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Sungai Petani,  
08000 Sungai Petani,  
Kedah Darul Aman.

- 4.10 Cadangan yang diterima selepas jam 12.00 tengahari pada 24 September 2025 (Rabu) tidak akan diproses.
- 4.11 Penyerahan harus dilakukan dengan menggunakan sampul bertutup dan ditulis dengan jelas di sebelah atas kanan sampul

" CADANGAN SEWAAN KOMPLEKS SUKAN MPSPK (ARENA SUKAN SUNGAI PETANI) MILIK MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI BAGI TUJUAN PERKHIDMATAN MENGURUSKAN KOMPLEKS SUKAN."

NO. RFP : 03/2025 (PER)

### PENGAKUAN

Saya \_\_\_\_\_  
Bagi pihak Syarikat \_\_\_\_\_  
dengan ini menawarkan untuk menyewa Kompleks Sukan MPSPK (ARENA SUKAN SUNGAI PETANI)  
Milik Majlis Perbandaran Sungai Petani Bagi Tujuan Menguruskan Kompleks Sukan di atas HS(D) 144390,  
PT 70895 Seksyen 67, Bandar Sungai Petani, Daerah Kuala Muda, Kedah Darul Aman tertakluk kepada  
semua syarat kadar sewaan:  
Ringgit Malaysia \_\_\_\_\_  
Sahaja ( RM \_\_\_\_\_ ).  
Dilampirkan Bersama-sama ini deraf bank bertarikh \_\_\_\_\_ dan bernombor  
\_\_\_\_\_ bernilai RM \_\_\_\_\_ sebagai bayaran  
deposit kepada Majlis Perbandaran Sungai Petani.

Sekiranya tawaran saya diterima, saya bersetuju untuk menandatangani Surat Perjanjian Penyewaan  
dan menjelaskan bayaran sewaan dengan tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung dalam syarat  
Surat Perjanjian Penyewaan.

Saya memperakui bahawa semua maklumat yang berkaitan dengan tawaran sewaan ini adalah  
benar dan sah. Saya memberi keizinan kepada Majlis Perbandaran Sungai Petani untuk meneliti  
dan mengkaji dengan lebih lanjut semua maklumat tersebut dengan pihak saya atau pihak-pihak lain  
yang berkaitan. Saya juga bersetuju untuk membekalkan maklumat-maklumat tambahan yang  
berkaitan dengan sewaan ini sekiranya diminta oleh Majlis Perbandaran Sungai Petani.

Tandatangan : .....

Nama : .....

Jawatan : .....

Tarikh : .....

Saksi

Tandatangan : .....

Nama : .....

Jawatan : .....

Tarikh : .....

Tandatangan Saksi : .....

## SURAT AKUAN INTEGRITI

Saya ..... No. Kad Pengenalan .....  
yang mewakili Syarikat ..... No. Pendaftaran Syarikat .....  
dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK) atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam *Request For Proposal (RFP)* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam MPSPK atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam *Request For Proposal (RFP)* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi *Request For Proposal (RFP)* di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi *Request For Proposal (RFP)* di atas; dan
- 2.3 Tindakan-tindakan tatatertib lain mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam *Request For Proposal (RFP)* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar

( )

Cop Syarikat :

Catatan :

**JADUAL TAWARAN REQUEST FOR PROPOSAL**

**CADANGAN SEWAAN KOMPLEKS SUKAN (ARENA SUKAN SUNGAI PETANI) MILIK MAJLIS  
PERBANDARAN SUNGAI PETANI BAGI PERKHIDMATAN PENGURUSAN KOMPLEKS SUKAN**

| BIL | BUTIRAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | JUMLAH SEWAAN<br>SEBULAN (RM) |
|-----|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------|
| 1.  | <p>CADANGAN SEWAAN KOMPLEKS SUKAN (ARENA SUKAN SUNGAI PETANI) MILIK MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI BAGI PERKHIDMATAN PENGURUSAN KOMPLEKS SUKAN</p> <p><b>NO. RFP : 03/2025 (PER)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Rujuk Butiran Pada <i>Request For Proposal (RFP)</i> Untuk menyediakan Tawaran Harga</li> </ul> |                               |
|     | Jumlah Sewaan Sebulan                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |                               |
|     | Jumlah Sewaan Setahun                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |                               |

Oleh yang demikian saya / kami bersetuju menandatangani tawaran ini seperti berikut :

.....

Tandatangan Penyebut Harga

Nama Penuh : .....

No. K/P : .....

No. Tel : .....

.....

Tandatangan Saksi

Nama Penuh : .....

No. K/P : .....

No. Tel : .....

Yang diberi kuasa dengan sepenuhnya untuk menandatangani sebut harga ini bagi pihak:

Alamat Penyebut Harga : .....

.....  
.....

.....

Cop Rasmi Syarikat

JADUAL TAWARAN REQUEST FOR PROPOSAL

CADANGAN SEWAAN KOMPLEKS SUKAN (ARENA SUKAN SUNGAI PETANI) MILIK MAJLIS  
PERBANDARAN SUNGAI PETANI BAGI PERKHIDMATAN PENGURUSAN KOMPLEKS SUKAN

NO. RFP : 03/2025 (PER)

| BIL | BUTIRAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                              | JUMLAH SEWAAN<br>SEBULAN (RM) |
|-----|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------|
| 1.  | <p>CADANGAN SEWAAN KOMPLEKS SUKAN (ARENA SUKAN SUNGAI PETANI) MILIK MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI BAGI PERKHIDMATAN PENGURUSAN KOMPLEKS SUKAN</p> <p><b>NO. RFP : 03/2025 (PER)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Rujuk Butiran Pada Request For Proposal Untuk menyediakan Tawaran Harga</li> </ul> |                               |
|     | Jumlah Sewaan Sebulan                                                                                                                                                                                                                                                                                                |                               |
|     | Jumlah Sewaan Setahun                                                                                                                                                                                                                                                                                                |                               |

Oleh yang demikian saya / kami bersetuju menandatangani tawaran ini seperti berikut :

.....

Tandatangan Syarikat

Nama Penuh : .....

No. K/P : .....

No. Tel : .....

.....

Tandatangan Saksi

Nama Penuh : .....

No. K/P : .....

No. Tel : .....

Yang diberi kuasa dengan sepenuhnya untuk menandatangani Tawaran Request For Proposal (RFP) ini bagi pihak:

Alamat Syarikat : .....

.....

.....

.....


Cop Rasmi Syarikat


LAMPIRAN A



## PELAN LOKASI

**KOMPLEKS SUKAN MPSPK (ARENA SUKAN SUNGAI PETANI),  
BANDAR SUNGAI PETANI, DAERAH KUALA MUDA, KEDAH  
DARUL AMAN.**





## PELAN TAPAK

KOMPLEKS SUKAN MPSPK (ARENA SUKAN SUNGAI PETANI),  
BANDAR SUNGAI PETANI, DAERAH KUALA MUDA, KEDAH  
DARUL AMAN.



**GAMBAR  
PANDANGAN HADAPAN DAN RUANG DALAMAN**

**KOMPLEKS SUKAN MPSPK (ARENA SUKAN SUNGAI PETANI),  
BANDAR SUNGAI PETANI, DAERAH KUALA MUDA, KEDAH  
DARUL AMAN.**